



MOHAMAD LUTHFI ABDUL RAHMAN

Awang Batil dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli

RINGKASAN: Kajian tentang pencerita lisan/penglipur lara Melayu di Nusantara sering diperkatakan dan dihujahkan oleh pelbagai pihak, sama ada sarjana tempatan mahupun Barat, khususnya dalam bidang kesusasteraan tradisional. Makalah ini bakal membicarakan tentang dua orang tokoh pencerita lisan, atau lebih dikenali sebagai penglipur lara. Penglipur lara yang pertama memakai gelaran “Awang Batil”, yang mendiami di Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis, Malaysia. Pencerita kedua bernama “Pura Taman”. Pencerita kedua ini pula agak unik kerana beliau adalah Orang Asli dari suku kaum Jakun di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia. Penulisan ini ditampilkan secara perbandingan untuk melihat bentuk persamaan dan juga kelainan yang ditonjolkan oleh dua orang pencerita berkenaan. Objektif penulisan ini ialah untuk mendokumentasikan proses kemunculan seseorang pencerita dan juga menganalisis secara mendalam peranan yang dimainkan oleh mereka dalam konteks persekitaran yang didiami. Sebagai sandaran perbincangan, pandangan daripada G.L. Koster (1997) tentang “peranan penceritaan” digunakan untuk melihat fungsi pencerita atau penglipur lara yang dimaksudkan itu. Berasaskan objektif ini dapat diketahui nanti, sama ada dua penglipur lara itu melalui proses kemunculan serta berkongsi peranan yang sama ataupun masing-masing menampilkan kelainan yang tersendiri. Kajian sebegini sangat signifikan dalam era kontemporari, memandangkan budaya penglipur lara semakin dilupakan oleh generasi kini di Malaysia.

KATA KUNCI: Penglipur lara, Awang Batil, Pura Taman, perbandingan, mendokumentasikan, serta proses kemunculan dan peranan pencerita.

ABSTRACT: “Awang Batil and Pura Taman: A Comparative Study of Malay and Orang Asli Storytellers Tradition”. The study of oral storytellers of Malays in Malay Archipelago is often spoken and argued by various parties whether local and Western scholars, especially in the field of traditional literature. This paper will discuss about the two figures oral storytellers, or better known as “penglipur lara” in Malay language. The first storyteller has used the title of “Awang Batil”, who inhabited in Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis, Malaysia. The second narrator named “Pura Taman”. The second narrator is quite unique, because he is aboriginal tribes of Jakun in the Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia. Writing is shown in comparison to the similarities and also differentiations highlighted by these two storytellers. The objective of this paper is to document the process of the emergence of a storyteller and also analyzes in depth the role played by them in the context of its milieu. As a backup of discussion, the views of G.L. Koster (1997) on “The Role of Storytelling” are used to view the narrator or storyteller who relates it. Based on these objectives, it can be seen whether these two storytellers through the process of emergence and sharing the same role or each featuring a distinctive difference. Such research is particularly significant in view of the contemporary era, due to the culture of storytellers increasingly forgotten by the currently generation in Malaysia.

KEY WORD: Storytellers, Awang Batil, Pura Taman, comparison, to make documentation, and emergence and role of the narrators.

About the Author: Dr. Mohamad Luthfi Abdul Rahman ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM (Universiti Sains Malaysia), Minden 11800, Pulau Pinang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus di nombor talifon: +604-6536044 atau di alamat emel: luthfi@usm.my

How to cite this article? Abdul Rahman, Mohamad Luthfi. (2015). “Awang Batil dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli” in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Vol.5(1) June, pp.49-64. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and FPOK UPI Bandung, ISSN 2088-1290. Available online also at: <http://atikan-jurnal.com/2015/06/05-awang-batil-dan-pura-taman/>

Chronicle of the article: Accepted (May 3, 2015); Revised (May 30, 2015); and Published (June 30, 2015).

PENDAHULUAN

Kajian tentang pencerita lisan/penglipur lara Melayu di Nusantara sering diperkatakan dan dihujahkan oleh pelbagai pihak, sama ada sarjana tempatan mahupun Barat, khususnya dalam bidang kesusasteraan tradisional. Pelbagai penemuan dilakukan bermula daripada Sememanjung Malaysia sehinggalah ke Kalimantan dan Sumatera Barat, Indonesia. Kehadiran penglipur lara Awang Batil di Perlis, misalnya, bakal membawa keceriaan serta keseronokan kepada khalayak setempat, disamping memeriahkan lagi majlis kenduri-kendara. Selain itu, upacara rasmi kerajaan juga kadangkala turut mengundang penglipur lara tempatan untuk membuat persembahan di hadapan khalayak yang lebih besar dan umum.

Namun, senario ini sebenarnya tidak terhad kepada masyarakat Melayu sahaja. Masyarakat Orang Asli dari suku kaum Jakun di Kuala Rompin, Pahang, juga turut memiliki penglipur lara tersendiri serta mampu berkongsi pengalaman, sepertimana dialami oleh khalayak dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kewujudan penglipur lara Orang Asli, yang bernama Pura Taman, agak asing kepada pengkaji sastera lisan sebelum ini. Berkemungkinan lokasi penempatan yang jauh di pedalaman, menyebabkan kehadirannya tidak diketahui sama sekali. Orang Asli yang sememangnya diketahui kaya dengan keunikan seni-budaya, seperti tarian *sewang*, ukiran, dan perubatan tradisional yang telah dikenali ramai, sebenarnya turut kaya dengan warisan *folktales* (cerita rakyat) yang pelbagai serta setanding dengan warisan penglipur lara Melayu (JHEOA Daerah Rompin, 1996).

Keberadaan dua pencerita dalam masyarakat tentunya membuka satu ruang dan peluang untuk mengkaji bagaimana corak atau proses kemunculan mereka sebagai seorang penglipur lara yang disegani oleh masyarakat sekelilingnya. Biarpun yang pastinya tiada latihan secara formal, namun kemahiran mereka bercerita dengan pelbagai gaya dan juga kemampuan menghafal cerita-cerita yang panjang memberikan satu gambaran bahawa proses kemunculan mereka itu bukanlah sesuatu yang mudah dan mengambil masa yang singkat. Ia tentunya melalui evolusi dan latihan yang panjang. Begitu juga dengan

peranan mereka sebagai pencerita. Mereka tidak akan dikenali dan juga disegani, jika mereka tidak memainkan sebarang peranan kepada masyarakat dan khalayak.

Berkemungkinan, Pura Taman dan Awang Batil ini memainkan peranan yang sama atau sebaliknya, itulah yang menjadi tumpuan dalam makalah ini. Secara perbandingan, pastinya akan terserlah keunikan dan keistimewaan antara Pura Taman dan Awang Batil ini dalam konteks masyarakat Melayu dan juga Orang Asli di Jakun.

Terdapat beberapa kajian tentang penglipur lara sebelum ini. Antaranya oleh Mustafa Mohd Isa (1987), yang mengkaji tentang Awang Batil di Perlis (ketika itu masih Allahyarham Pak Mahmud, iaitu bapa kepada Romli Mahmud). Begitu pula dengan kajian oleh Amin Sweeney (1994) tentang penglipura lara Tuk Selampit (Mat Nor bin Merah) di Kelantan. Kajian tentang pencerita Pak Taslim dan Pak Ganti pula pernah dilakukan oleh Will Derks (1994) di Pekan Baru, Riau, Indonesia. Nigel Phillips (1981) pula pernah mengkaji tukang cerita di Sumatera, Indonesia, yang dikenali sebagai Si Jobang. Kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada aspek idiosinkrasi dan teks. Mereka tidak membuat sebarang perbandingan antara mana-mana pencerita yang lainnya.

Dari segi metodologinya, pendekatan kajian folklor telah digunakan untuk mengkaji penglipur lara atau pencerita lisan ini. Proses rakaman cerita telah dilakukan ke atas beberapa buah cerita, antaranya yang bertajuk *Mamak Batin*, *Siti Munjadi*, *Kambing Buta*, dan *Awang Miskin*. Durasi penceritaan ini Pura Taman ini secara puratanya ialah antara dua hingga empat jam setiap satunya. Kemudiannya, apabila keseluruhan rakaman secara audio dan video ini selesai, maka kesemua cerita-cerita ini akhirnya telah ditranskripsikan secara *verbatim* demi memastikan keaslian perbendaharaan cerita tersebut. Proses ini juga secara tidak langsung dapat memastikan kelestarian warisan cerita Jakun, supaya terakam dalam bentuk dokumentasi yang lebih kekal sifatnya, berbanding hanya tersimpan dalam memori penglipur lara berkenaan.

Proses pengumpulan cerita di Perlis pula adalah sama metodologinya dengan yang

dilakukan di Kuala Rompin sebelumnya. Seluruh cerita yang dimiliki oleh Romli Mahmud telah dirakam dan akhirnya telah ditranskripsikan demi menampakan sebuah koleksi Awang Batil, yang lebih mudah disimpan dan ditatapi oleh generasi kini dan juga para pengkaji terkemudian nanti. Walau bagaimanapun, pengumpulan cerita ini telah menunjukkan bahawa Awang Batil alias Romli Mahmud telah melakukan sedikit penambahan dan perubahan koleksi cerita, berbanding koleksi Pak Mahmud dahulu.¹ Cerita-cerita yang sering dituturkan oleh Awang Batil alias Romli Mahmud sekarang ialah: (1) *Awang Akar Larak*, (2) *Awang Denoi*, (3) *Awang Biawak*, (4) *Awang Betui*, (5) *Awang Geliga Embun*, (6) *Awang Kambing Berak Tahi Emas*, (7) *Awang Nasik Sejuk*, dan (8) *Awang Ada Duit Semua Jadi*.

Berbanding Awang Batil alias Romli Mahmud, koleksi cerita bapanya, iaitu Allahyarham Pak Mahmud, agak berbeza dengan yang dipersembahkan kini, kerana terdapat penambahan tajuk, iaitu: (1) *Cerita Awang Malim Awang Leman*, (2) *Cerita Awang Segan*, (3) *Cerita Jabak Jabek*, (4) *Cerita Malim Deman*, (5) *Cerita Raja Dewa Lok*, dan (6) *Cerita Raja Radin Mas*.

PROSES KEMUNCULAN PENGLIPUR LARA

Kemunculan seseorang penglipur lara bukanlah suatu kemunculan secara drastik dan meraih profesionaliti secara mudah. Mereka tidak terus muncul, seperti yang mampu dilihat oleh khalayak zamannya hingga zaman kini; sebaliknya, telah melalui beberapa proses pembelajaran secara tidak formal daripada beberapa individu yang terlebih dahulu mengetahui khazanah cerita serta memiliki kemahiran untuk menuturkannya. Tempoh pembelajaran yang dilalui oleh mereka juga biasanya memakan masa yang agak lama, dan kemudiannya mengambil tempoh tertentu pula untuk mereka mula mempersembahkan cerita itu kepada khalayak persekitaran.

Berdasarkan tulisan Mustafa Mohd Isa (1987), beliau mendeskripsikan kaedah belajar Awang Batil oleh Pak Mahmud dahulu adalah unik. Pak Mahmud dikatakan belajar bercerita itu daripada Tok Mat Selembon di

Utah Aji, Perlis. Kaedah belajar juga agak aneh, memandangkan Pak Mahmud bukan sahaja terpaksa belajar bercerita, tetapi juga belajar cara menghadapi penonton beserta pantang-larangnya:

Apa yang dimaksudkan dengan ilmu cara menyampaikan cerita ialah cara mempersembahkan cerita-cerita *Awang Belanga*, seperti belajar bercerita, bermain belanga mengiringi cerita, dan beraksi semasa bercerita, misalnya menggambarkan peristiwa atau watak yang berkenaan didalam sesuatu cerita. Ilmu menghadapi penonton pula mengandungi jampi serapah atau doa-doa dan pantang-larang yang diamalkan secara sulit [...].

Kerana sebagai seorang tukang cerita, ia tentu sahaja diminati oleh ramai orang. Ramai orang pula yang iri hati kepadanya, mungkin ada yang berusaha untuk mengkhianatinya dengan berbagai-bagai cara. Tetapi dengan mempelajari kedua-dua ilmu itu, penutur akan terselamat daripada ancaman (Mohd Isa, 1987:27).

Kaedah ini turut diperakui oleh Awang Batil alias Romli Mahmud sendiri, bahawa semasa Pak Mahmud belajar bercerita daripada Tok Mat Selembon dahulu, ia akan diiringi dengan pembakaran asap kemenyan. Aktiviti ini juga dapat membantu proses hafalan dan juga melindungi penglipur lara daripada sebarang gangguan semasa bercerita di khalayak ramai.²

Namun, keunikan ritual ini kelihatannya tidak lagi diteruskan oleh Awang Batil alias Romli Mahmud. Beliau kini meneruskan persembahannya tanpa sebarang amalan membakar kemenyan, seperti sebelumnya. Awang Batil alias Romli Mahmud, secara dasarnya, memperoleh kepakaran bercerita ini daripada Allahyarham bapanya sendiri, iaitu Pak Mahmud secara langsung. Beliau dikatakan tidak lagi belajar bercerita bersama kepulan dan wangian asap kemenyan; sebaliknya, sejak kanak-kanak beliau diajar sedikit demi sedikit oleh Pak Mahmud semasa beliau hendak tidur. Awang Batil alias Romli Mahmud memaklumkan bahawa beliau mendengar cerita-cerita itu bersama abangnya juga, namun

²Kaedah ritual sebegini pernah dipaparkan oleh Will Derks (1994), semasa beliau mengkaji pencerita di Pekan Baru, Provinsi Riau, Indonesia. Sebelum persembahan cerita dimulakan oleh Pak Taslim, dilakukan pengorbanan seekor kambing dengan tujuan memuja semangat ghaib atau roh, yang dikatakan pemilik kepada cerita lisan tertentu. Keterangan lanjut, lihat Will Derks (1994).

¹Kajian tentang Awang Batil ini pernah dilakukan oleh Mustafa Mohd Isa (1987).

hanya beliau sahaja yang mampu mengingat cerita tersebut, tetapi abangnya tidak mampu (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Selain daripada itu, Awang Batil alias Romli Mahmud juga mengakui bahawa beliau turut mendapat dua buah cerita lisan daripada sumber lain, iaitu daripada Tok Umar Gelombang dan juga seorang tua yang bernama Tok Din. Daripada dua insan ini, Awang Batil alias Romli Mahmud memperoleh *Cerita Awang Biawak* dan juga *Cerita Awang Kambing Berak Taik Emas*. Situasi ini secara tidak langsung memaparkan bahawa Awang Batil alias Romli Mahmud sememangnya berusaha untuk menambah koleksi cerita serta memperkembangkan kreativitinya sejak awal lagi, malah cerita-cerita yang diperturunkan oleh Allahyarham bapanya juga ditokok tambah untuk lebih tarikan dan kelucuan kepada khalayak. Tambahan pula, beliau turut memasukkan elemen muzik biola dalam ceritanya, walaupun persembahan asal Awang Batil alias Romli Mahmud tidak menggunakan alat tersebut (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Dalam konteks persekitaran yang berbeza, Pura Taman yang mendiami kawasan perkampungan masyarakat Jakun di Kuala Rompin, Pahang, turut melalui pengalaman belajar cerita-cerita lisan. Proses pembelajaran tersebut akhirnya memunculkan beliau sebagai seorang penglipur lara dalam masyarakat Orang Asli. Hasil wawancara yang dilakukan pada 5 November 2009 yang lalu, didapati bahawa pengalaman belajar tersebut hampir menyamai seperti proses yang dilalui oleh Romli Mahmud untuk muncul sebagai Awang Batil yang disegani. Bermula di zaman kanak-kanak, Pura Taman bersama beberapa rakannya, termasuk Jim bin Dagang, iaitu Batin Kampung Sungai Mok sekarang ini, telah diajar bercerita oleh Nenek Yaman, iaitu datuk kepada Pura Taman. Ketika berumur 12 tahun, Pura Taman mula diperdengarkan cerita-cerita lisan secara berulang oleh Nenek Yaman tersebut (wawancara dengan Pura bin Taman, 5/11/2009).

Setiap malam, mereka diperdengarkan cerita tersebut apabila mereka menemani Nenek Yaman tidur. Dalam tempoh 6 tahun,

Pura Taman mula menguasai cerita tersebut dan boleh menghafalnya dengan baik. Namun, rakan-rakan beliau yang lain tidak dapat menguasai cerita, dan bertambah malang lagi antara mereka yang mempermain-mainkan cerita tersebut. Selepas menguasai cerita, Pura Taman hanya memendam cerita tersebut dalam memorinya. Namun, ketika berusia 21 tahun, iaitu selepas mendapat anak sulung, Pura Taman dikatakan mendapat mimpi bahawa dia dimarahi kerana tidak menyampaikan cerita tersebut kepada orang lain, sedangkan beliau telah menguasai cerita dengan baik. Maka bermula saat itu, Pura Taman mulalah bercerita dan muncul sebagai seorang penglipur lara (wawancara dengan Pura bin Taman, 5/11/2009).

Walau bagaimanapun, berbeza dengan Awang Batil alias Romli Mahmud, Pura Taman sangat berpegang kepada warisan cerita tersebut. Pura Taman langsung tidak menokok tambah atau mengubahsuai, ataupun memendekkan di mana-mana. Pura Taman sangat percaya bahawa cerita lisan itu “dijaga” oleh keramat-keramat, terutamanya cerita mitos *Mamak Batin*, yang dianggap suci dan sakral oleh masyarakat itu sehingga hari ini. Beliau akan terus menyeru keramat-keramat ini setiap kali sebelum bercerita. Ia bertindak sebagai pelindung kepada beliau dan khalayak dalam persembahan tersebut.³ Dengan demikian, dapat dilihat kelainan dan persamaan pengalaman antara Awang Batil alias Romli Mahmud dan Pura Taman sewaktu melalui proses kemunculan mereka.

Mengenai Peranan Awang Batil. G.L. Koster (1997) pernah membincangkan tentang “peranan penceritaan” dalam kesusasteraan Melayu. Menurutnya, terdapat dua peranan penceritaan, iaitu peranan memberi hiburan yang disebut sebagai “dalang”; dan juga peranan memberikan faedah yang dikenali sebagai “dagang” (Koster, 1997). Menghiburkan itu digambarkan peranan pencerita yang menyampaikan cerita-cerita yang indah, lucu, ghairah berahi, dan sebagainya. Manakala peranan memberi faedah pula dijanakan melalui cerita-cerita yang memberi pengajaran, tauladan, pesan

³Keterangan lanjut mengenai Pura Taman ini, sila lihat Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2008).

dan juga cerita-cerita yang boleh mendekatkan manusia dengan tuhan.

Sekiranya didasarkan kepada peranan pencerita yang digariskan oleh G.L. Koster (1997) ini, dapat diakui bahawa peranan Awang Batil alias Romli Mahmud itu sebagai seorang “dalang”, yang berfungsi memberi hiburan kepada khalayaknya. Menerusi cerita-cerita yang sering disampaikan oleh Awang Batil alias Romli Mahmud sehingga kini, tajuk ceritanya seperti: *Awang Biawak*, *Awang Ada Duit Semua Jadi*, *Awang Kambing Berak Taik Emas*, dan sebagainya, memang membayangkan unsur kelucuan yang mampu membuatkan khalayak ketawa dan terhibur. Dalam konteks ini, Mustafa Mohd Isa (1987) turut mengakui bahawa:

Dari segi cerita, kebanyakan cerita-cerita yang disebut sebagai cerita penglipur lara itu dapat melipur hati yang lara [...]. Perkataan “penglipur lara” juga dapat dirujuk kepada penutur cerita, kerana perkataan itu membawa makna seseorang yang tertentu, yang khusus menjalankan pekerjaan untuk melipur lara pendengar-pendengarnya (Mohd Isa, 1987:4-5).

Bertitik tolak daripada pandangan itu, jelas bahawa Awang Batil alias Romli Mahmud inginkan setiap persembahan ceritanya mampu membuatkan penonton terhibur. Awang Batil alias Romli Mahmud juga mengakui bahawa beliau akan merasa suatu kepuasan apabila melihat penonton terhibur dengan cerita yang disampaikan (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015). Penonton bakal terhibur melalui aksi watak, dalam *Cerita Awang Kambing Berak Taik Emas*, contohnya sedemikian:

Bila pagi Awang terus ambil kambingnya balik kerumah dia. Suka sungguh dia berjalan. Bila sampai rumah, tempik panggil mak dia. Mak dia keluar tengok Awang bawa balik kambing nak buat apa. Awang pun kata, ni bukan kambing biasa. Ni kambing yang boleh terbit taik emas. Emak dia kata pembohong ni. Tak pernah lihat



Gambar 1:
Penglipur Lara Awang Batil alias Romli Mahmud
(Sumber: Dokumentasi Penulis)

kambing macam tu. Awang pun tepuk punggung kambing tu, tapi tak keluar apa pun. Dia fikir perlahan kot tepuk. Dia tepuk deras berceramuk taik kambing. Emak dia gelak. Ni emas taik hitam nak buat apa, bukan laku. Awang pun marah sungguh. Dia naik rumah, tidur senyap. Dia kata jin pembohong. Esok, dia suruh mak dia buat bekal pulak [...] (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Cerita Awang Kambing Berak Taik Emas pasti mengundang ketawa kepada khalayak, memandangkan cerita ini banyak menyelitkan unsur lucu. Watak Awang yang dipandang bodoh oleh masyarakat, kerana mengatakan kambing boleh mengeluarkan emas daripada isi perutnya. Malah akibat ditipu, Awang sendiri telah terkena najis kambing kerana menyangkakan itu adalah emas. Namun, kebijaksanaan dan usaha gigih Awang akhirnya telah menemukan kambing sebenar, yang mampu mengeluarkan emas tersebut.

Adekan-adekan sebegini mampu membuat khalayak terhibur dan tidak jemu untuk terus menonton persembahan Awang Batil alias Romli Mahmud. Lihat gambar 1.

Hiburan kepada khalayak oleh Awang Batil alias Romli Mahmud ini diteruskan lagi dalam *Cerita Awang Biawak*. Secara deskripsinya, kakak-kakak kepada tuan puteri yang menikahi biawak jelmaan itu telah berasa iri hati, kerana biawak jelmaan itu seorang yang sangat tampan. Maka mereka pun mengarahkan orang mencari biawak jelmaan seperti itu untuk dikahwini, namun kelucuan timbul apabila berlaku kejadian yang sangat tidak diduga. Dalam *Cerita Awang Biawak* ada dikisahkan demikian:

Kakak-kakak puteri bongsu pun cemburu, sebab adik dia boleh suami elok. Kakak-kakak dia suruh orang kampung tangkap biawak, bagi pada mereka. Orang kampung pakat tangkap biawak yang besar-besar, bagi pada mereka. Bercerai kakak-kakak puteri bongsu dengan anak-anak raja suami mereka. Mereka bawa masuk biawak ke bilik. Kunci pintu dan bemesra dengan biawak. Biawak hutan bila dok rapat, dia cakar kakak-kakak puteri bongsu dan terjun ikut tingkap lari ke hutan. Habis bengkok dan luka badan kakak-kakak puteri bongsu, lalu tak keluar rumah seminggu (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Penglipur lara Awang Batil alias Romli Mahmud turut menghiburkan khalayak dengan mempamerkan episod kesaktian. Episod kesaktian ini mampu membuat khalayak terpuakau dan kagum (cf Braginsky, 1998) dan seterusnya membuat mereka terhibur. Dalam *Cerita Awang Biawak*, lagi dinyatakan sebagai berikut:

Tengah malam, Awang terbit dari sarung biawak. Dia guna kesaktian, dia jadikan pintu gerbang istana daripada emas dan pintu pagar berlian. Esok pagi-pagi, raja bangkit, basuh muka, tengok pintu gerbang emas dah jadi dah (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Menjadi lumrah dalam cerita-cerita lipur lara untuk menggambarkan watak yang memiliki kesaktian seperti ini. Watak yang asalnya kelihatan daif dan lemah sebenarnya dipamerkan sebagai watak istimewa, *supernatural*, serta mampu mengatasi antagonis lain yang hebat. Awang Batil alias

Romli Mahmud telah menerapkan watak sebegini dalam ceritanya supaya menjadi tarikan kepada penonton.

Gambaran kecantikan yang “indah dan menggoda”, seperti yang diungkapkan oleh G.L. Koster (1997:54), turut terpancar dalam cerita lisan oleh Awang Batil alias Romli Mahmud ini. Khalayak akan terhibur dan teruja dengan kecantikan dan ketampanan wira wirawati ini. *Cerita Awang Geliga Embun* dan *Cerita Awang Biawak* telah memanfaatkan aspek ini. Dalam *Cerita Awang Geliga Embun*, ada dinyatakan seperti berikut:

Dia pun belah tembikai tu. Raja pun ada kat situ. Belah-belah terbit tuan puteri dari dalam tembikai tu. Nak makan macam mana tuan puteri. Tuan puteri bukan main cantik. Kali tu jadi kenduri nikah Awang dengan tuan puteri. Raja pun berkenan dekat tuan puteri tu. Tapi nak boleh buat apa, sebab dah hak Awang. Raja balik istana tak senang duduk. Dok terbayang rupa tuan puteri tu (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Manakala dalam *Cerita Awang Biawak*, ada pula dinyatakan seperti berikut:

Awang Biawak pada waktu siang dia jadi biawak, tapi waktu malam jadi orang. Puteri bongsu, sebab selalu dicaci kakak-kakak, dia ambil sarung Awang waktu malam dan bakar. Pagi-pagi Awang nak masuk sarung, dia dah tak ada. Jadi orang yang bukan main segak lagi (wawancara dengan Romli bin Mahmud, 12/3/2015).

Jika dianalisis dengan menggunakan model peranan penceritaan oleh G.L. Koster (1997), jelas dapat dilihat bahawa penglipur lara Awang Batil alias Romli Mahmud ini telah berjaya memainkan peranan sebagai “dalang”, yang memberikan hiburan kepada khalayak. Hiburan yang diberikan ialah menerusi deskripsi keindahan, kecantikan, kelucuan, serta kesaktian yang benar-benar menarik perhatian penonton dan seterusnya terhibur.

Mengenai Peranan Pencerita Lisan

Orang Asli. Seperti juga Awang Batil alias Romli Mahmud, Pura Taman turut memikul tanggungjawab sebagai seorang pencerita yang ingin menghiburkan khalayaknya. Dalam situasi masyarakat silam yang tiada sumber hiburan yang canggih dan bergaya seperti hari ini, maka peranan pencerita sentiasa

dinanti-nantikan untuk mereka menghilangkan penat dan juga melepaskan seketika rasa tekanan hidup. Tidak hairanlah jika Pura Taman sentiasa dijemput oleh Batin Jim, selaku ketua kampung, untuk membuat persembahan kepada anak buah mereka.

Pura Taman juga sering diminta oleh rakan-rakannya untuk bercerita ketika mereka berehat didalam hutan selepas memungut hasil hutan dan memburu. Khalayaknya akan terhibur apabila didengarkan dengan cerita-cerita yang hebat, indah, *suspens*, malah turut disulami dengan adegan yang ghairah. Lihat gambar 2.

MENGHIBURKAN DENGAN CERITA YANG INDAH-INDAH

Lakaran menarik tentang sesuatu peristiwa, yang diceritakan oleh seorang penglipur lara, merupakan aset penting semasa beliau menyampaikan cerita. Binaan naratif yang kompleks dan sarat dengan pelbagai deskripsi mampu menarik perhatian serta mencuit perasaan khalayak. Ia adalah fungsi seorang penglipur lara dalam memberikan hiburan, dan kehadiran mereka adalah untuk meredakan perasaan khalayak yang sedih ataupun melegakan keletihan masyarakat selepas bekerja (Taslim, 1993:145).

Cerita-cerita yang disampaikan itu sentiasa disulam dengan pelbagai elemen menarik untuk mengalihkan perhatian khalayak daripada rasa sedih, letih, dan runsing akibat kemiskinan hidup kepada rasa seronok, lapang jiwa, serta mampu ketawa semasa mendengar cerita. Situasi ini akan membentuk suatu perimbangan antara jiwa yang sedih dan jiwa yang lebih tenang serta menggembirakan. Konsep ini sering diistilahkan sebagai berunsur pelarian atau *escapism*.

Dalam konteks ini, V.I. Braginsky (1998:253) melihat keindahan berdasarkan dua aspek utama, iaitu bunyi dan isi. Kombinasi antara “bunyi” dan “isi” dalam sesebuah cerita itu akan lebih menyerlahkan nilai keindahan yang sebenar telah ditonjolkan oleh seseorang



Gambar 2:
Penglipur Lara Pura Taman
(Sumber: Dokumentasi Penulis)

pengkarya sastera. Malah, gagasan yang sama juga disuarakan oleh K. Elizabeth Maria (1973) apabila beliau mengatakan kombinasi antara “unsur sensasi” dan “imej bunyi” penting untuk menjadikan sesuatu karya itu lebih berkesan kepada jiwa khalayak sastera (Maria, 1973:37).

Justeru itu, hasrat G.L. Koster (1997:51) untuk melihat seseorang penglipur lara itu lebih berjaya mendekati dan memahami minat khalayaknya mampu tercapai melalui dasar analisis “bunyi” dan “isi”, seperti yang disuarakan juga oleh V.I. Braginsky (1998). Cantuman “bunyi” dan “isi” akan lebih memberikan kesan kepada setiap jiwa insan yang menghayati sesebuah cerita itu dengan mendalam.

Mengenai Indah dengan “Bunyi”. Kisah Siti Munjadi menjadikan unsur “bunyi” sebagai sebuah medium untuk memberikan kesan kejiwaan kepada khalayaknya. Sebagaimana yang dijelaskan, “bunyi” yang indah adalah

didasarkan kepada penggunaan gaya bahasa yang halus serta mampu menarik perhatian khalayak, sama ada melalui pembacaan ataupun pendengaran.

Henry Guntur Tarigan (1985) menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis gaya bahasa yang memainkan peranan penting untuk menjelmakan suatu situasi yang hebat dan merdu di telinga khalayak, disamping memberikan deskripsi sesuatu suasana kepada pendengarnya (Tarigan, 1985). Berikut adalah antara contoh-contoh penggunaan gaya bahasa di dalam kisah *Siti Munjadi*.

Pertama, Asonansi. Gaya bahasa asonansi merupakan pengulangan huruf vokal. Perulangan vokal yang digunakan dapat menyerlahkan irama bunyi lebih merdu dan sekata. Asonansi muncul dalam cerita *Siti Munjadi*, apabila penglipur lara mengungkapkan permulaan ceritanya. Pengulangan vokal “a”, yang melahirkan bunyi sekata, terdapat baris berikut dalam petikan cerita *Siti Munjadi*:

Duduk memerintah selama dalam negeri itu
cukuplah dengan rakyat yang istimewa hidupnya,
kerana anak raja yang penuh keadilan (dalam
Abdul Rahman, 2014).⁴

Pencerita menggunakan bunyi yang sekata ketika permulaan dan pengenalan awal cerita *Siti Munjadi*. Pendengar akan terpesona dengan bunyi yang sekata sejak awal penceritaan lagi. Pembukaan cerita itu menggambarkan seorang raja yang kaya serta memerintah di sebuah negeri yang kaya dengan hasil buminya. Deskripsi tersebut disusun dalam baris kata-kata yang sekata dan senada dengan perulangan vokal “a”. Ia akan melahirkan bunyi sebutan yang merdu serta tersusun. Bentuk gambaran secara teliti dan tersusun itu, secara tidak langsung, membuatkan pendengar lebih tertarik untuk terus mendengar persembahan cerita lisan berkenaan.

Khalayak terpesona dengan struktur bunyi yang tersusun dan seragam, dan seterusnya melahirkan lenggok bahasa yang sungguh indah. Walaupun ungkapan itu ringkas, tetapi strukturnya telah dimaksimumkan oleh penglipur lara dengan gaya pengucapan yang

sempurna dan teliti. Sungguhpun ringkas, namun ia telah memberikan maksud jelas tentang perkara sebenar yang sedang berlaku.

Kedua, Aliterasi. Pengulangan konsonan pula dikenali sebagai aliterasi. Ia juga banyak mewarnai cerita lisan *Siti Munjadi*. Seperti juga peranan pengulangan vokal, aliterasi mampu memberikan kelembutan terhadap penyampaian cerita, seterusnya memerdukan lagi persembahan kepada khalayak mendengarnya. Gaya bahasa ini dapat dilihat apabila penutur lisan menceritakan dalam petikan kisah *Siti Munjadi*, seperti berikut:

Cukup tujuh bulan, tujuh tahun, barulah Siti
Munjadi turun.

Badan paling cantik, leher jinjang, rambut
panjang, subang leper (dalam Abdul Rahman,
2014).⁵

Aliterasi digunakan semasa mendeskripsikan peredaran masa yang lama. Pencerita mengalunkan suatu bunyi sekata melalui penggunaan konsonan “t”, yang akan menjadikan gambaran keadaan itu lebih sedap didengar. Kesannya, khalayak akan turut membayangkan peredaran masa yang sangat panjang dilalui oleh watak tersebut. Alunan bunyi itu akan membuai fikiran mereka seiring dengan perjalanan masa tersebut.

Begitu juga dengan pemerian tentang kecantikan Tuan Puteri Intan Terpayung, yang menggunakan pengulangan konsonan “ng”. Teknik ini menjadikan khalayak pendengar terasa akan kemerduan penceritaan, seterusnya cuba membayangkan kehadiran Tuan Puteri Intan Terpayung cantik di minda mereka. Gaya bahasa ini juga menjadikan alunan bahasa yang digunakan lebih halus serta indah dalam sesebuah penceritaan penglipur lara.

Mengenai Keindahan “Isi”. Cerita *Siti Munjadi* adalah kompleks serta terdiri daripada banyak plot. Kepelbagaian plot, adegan, dan episod tersebut akan menimbulkan pelbagai kesan kepada khalayak, seperti timbulnya perasaan ceria, duka, cemas, ngeri, kagum, berahi, dan sebagainya. Jalinan ini akan meningkatkan keindahan cerita melalui kebijaksanaan pencerita dalam menyampaikannya.

⁴Huruf tebal adalah penegasan penulis.

⁵Huruf tebal adalah penegasan penulis.

Justeru itu, cerita lisan *Siti Munjadi* telah digarapkan untuk memperlihatkan keberkesannya membuai perasaan khalayak dengan pelbagai rupa bentuk emosi. Perasaan khalayak sentiasa dibuai dengan perasaan sedih, duka, seram, takut, marah, benci, dan sebagainya.⁶ Maka, kisah *Siti Munjadi* merupakan contoh cerita lisan Orang Jakun (Abdul Rahman, 2014), yang mampu memikul peranan tersebut.⁷

Pertama, Perasaan Ceria dan Gembira.

Perasaan ceria dan gembira merupakan perasaan lazim yang boleh merangsang emosi khalayak, kerana mereka akan menikmati cerita. Cerita-cerita yang indah menimbulkan keceriaan dan kegembiraan kepada khalayak. Penglipur lara, selaku “dalang”, menimbulkan rasa ceria dan gembira kepada khalayak, melalui gambaran suasana yang menyenangkan dan membahagiakan. Pelbagai bentuk suasana indah yang menimbulkan perasaan sedemikian dilakar oleh dalang.

Pada permulaan kisah *Siti Munjadi*, dalang telah menceritakan latar awal kehidupan sebuah negeri yang penuh keceriaan dan kegembiraan. Petikan kisah *Siti Munjadi* adalah seperti berikut:

Ada satu anak raja yang bernama Helang Mengantuk. Duduk memerintah satu negeri yang bernama Telok Limau Manis di tebing laut. Pasangan anak Raja Helang Mengantuk itu adalah Tuan Puteri Mayang Mengurai. Duduk memerintah selama dalam dalam negeri itu cukuplah dengan rakyat yang istimewa hidupnya, kerana anak raja yang penuh keadilan. Jadi, seberapa-rapa lama dia memerintah itu negeri Telok Limau Manis dengan orang yang paling kasih disayangi, kerana raja ini adil dan jujur.

Ada satu hari, selepas beberapa lama memerintah, jadi adalah Puteri Mayang Mengurai ini mengandung. Bila tuan Puteri Mayang Mengurai mengandung, dengan gembiranya anak Raja Helang Mengantuk ini kerana dapatlah putera atau puteri (dalam Abdul Rahman, 2014).

⁶Dalam konteks sastera moden, Sohaimi Abdul Aziz (1998) juga pernah mengkaji tentang kepelbagaian rasa dan emosi yang ditimbulkan daripada pembacaan karya sastera. Kajian beliau adalah didasarkan kepada “teori rasa fenomenologi”, dengan mengentengahkan pengalaman pembaca dalam menikmati sesebuah karya sastera, sehingga menimbulkan pelbagai perasaan (Abdul Aziz, 1998).

⁷Aristotle, dipetik dalam David Lodge ed. (1985), pernah menghuraikan tentang “katarsis”, iaitu pembersihan jiwa selepas membaca karya sastera, yang mampu memberi kesan suka, ceria, kagum, dan sebagainya.

Permulaan kisah yang telah digarapkan ini merupakan satu usaha awal untuk menimbulkan rasa gembira kepada khalayaknya, sebelum meneruskan cerita seterusnya. Pada peringkat ini, khalayak diberikan gambaran awal tentang aman tenteramnya kehidupan di negeri Telok Limau Manis itu. Para pendengarnya pasti mula membayangkan kehidupan ideal sedemikian dengan rakyat hidup bahagia, aman damai, dinaungi oleh seorang raja yang adil dan penyayang, serta tidak berlaku sebarang kezaliman raja terhadap rakyatnya. Malah kegembiraan itu juga diserlah melalui watak anak raja yang bakal menimang cahaya mata. Seluruh perenggan awal cerita ini telah dimanupulasikan dengan baik oleh penutur cerita lisan untuk menimbulkan suatu kehidupan yang harmonis, biarpun secara fantasi.

Kedua, Rasa Sedih dengan Kesengsaraan.

Di sebalik kegembiraan dan kekaguman, perasaan khalayak turut dibuai dan diganggu melalui deskripsi yang bercorak kesedihan, penderitaan, dan juga kezaliman.⁸ Mengikuti Noriah Taslim, aspek kesedihan dan ketakutan dalam cerita juga mampu memberi kesan kepada jiwa pembaca (Taslim, 1993:154). Seseorang pencerita yang berusaha memberikan keseronokan kepada khalayak akan menyeimbangkan jiwa khalayaknya itu pula dengan menjadikan peristiwa berbentuk musibah, malapetaka, dan dugaan hebat sebagai elemen penceritaannya.

Gambaran adegan dan peristiwa yang penuh kesedihan turut mewarnai tradisi bercerita dalam kelompok masyarakat Orang Asli berketurunan Jakun ini. Penglipur lara Jakun telah mengabadikan deskripsi yang penuh emosi tersebut dalam kisah *Siti Munjadi*. Penutur cerita lisan sebenarnya tidak sekadar mahu menghidangkan aspek keseronokan semata-mata kepada khalayaknya dalam usaha menghiburkan mereka. Sebaliknya, beliau turut menjadikan adegan-adegan yang menunjukkan watak yang sengsara dan merana sebagai elemen penting untuk menyentuh jiwa pendengarnya itu (Abdul Rahman, 2014).

⁸H.M.J. Maier (1994) turut mengatakan bahawa segala unsur-unsur kesedihan dan kesengsaraan merupakan suatu yang dianggap indah, kerana ia mampu mengesani jiwa dan emosi khalayaknya.

Berteraskan kemahiran bercerita yang tinggi, beliau mengungkapkan peralihan emosi dan situasi watak wira yang gembira dan hebat itu terjerumus kedalam lembah kesengsaraan yang penuh tragis. Misalnya, cerita lisan *Siti Munjadi* telah menonjolkan satu adegan yang menunjukkan kesan kehidupan yang merana, selepas kehidupan watak-watak baik telah dimusnahkan oleh antagonis. Petikan dalam kisah *Siti Munjadi* adalah seperti berikut:

Dicabut keris oleh anak Raja Sinar Di Awan, maka berayun tumbanglah anak Raja Helang Mengantuk itu. Maka anak Raja Sinar Di Awan pun pegang perintah anak Raja Helang Mengantuk itu. Seorang pun tidak ditinggalkan. Yang tinggal hanya seorang budak kecil sahaja, yang bernama Siti Munjadi. Cuma baru boleh merangkak sahaja [...].

Budak kecil Siti Munjadi dibawa ke tengah gelanggang panjang. Nak ditikam, tapi masih kecil. Siti Munjadi dengan senyum manis, ketawa tidak tahu apa-apa [...].

Dilihatnya ayah Siti Munjadi dicincang telah menjadi habuk. Ditabur dalam seluruh negeri Telok Limau Manis (dalam Abdul Rahman, 2014).

Adegan ini mampu membuatkan khalayak merasakan sedikit kejutan, kerana penutur telah melakarkan dua adegan bertentangan. Pada awalnya, beliau memaparkan kehidupan yang bahagia antara anak Raja Helang Mengantuk, Tuan Puteri Mayang Mengurai, dan anak mereka Siti Munjadi. Namun dalam beberapa detik sahaja keadaan itu telah berubah, selepas diserang oleh anak Raja Sinar Di Awan.

Khalayak dapat merasakan kesan hebat akibat serangan itu setelah beralihnya tampuk pemerintahan, anak kecil yang menjadi yatim piatu, dan juga tindakan mencincang anak Raja Helang Mengantuk dengan zalim. Malah nasib malang anak kecil itu menyentuh hati emosi pendengar yang sedia mengetahui akan kesan kehidupan seorang anak kecil tanpa ibu dan bapa yang menjaganya.

KELAINAN PERANAN PENGLIPUR LARA ORANG ASLI

Berbeza daripada penglipur lara Awang Batil alias Romli Mahmud, Pura Taman tidak membataskan peranannya hanya sebagai pemberi hiburan melalui cerita lipur lara, seperti kisah *Siti Munjadi*. Sebaliknya, peranan ini mulai berbeza apabila didapati Pura Taman

turut memiliki sebuah cerita mitos panjang bertajuk *Mamak Batin*. Sebagai mitos, cerita ini dianggap suci dan kudus, serta diyakini oleh masyarakat pemiliknya, iaitu suku kaum Jakun di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang (Abdul Rahman, 2014).

Seolah-olah menggemakan semula saranan G.L. Koster (1997) tentang peranan “dagang” yang memberi faedah, kesucian dan kekudusan cerita *Mamak Batin* terletak kepada fungsi yang dibawanya kerana ia menjadi sebahagian daripada sandaran sistem kepercayaan animisme yang dianuti oleh masyarakat di lokasi tersebut. Sebagai sandaran kepercayaan, cerita mitos *Mamak Batin* diyakini kebenarannya, sehingga ianya dipertahankan sejak zaman silam kerana unsur kesucian dan kekudusan. Kesucian dan kekudusan yang disebut ini dapat diungkap dari perspektif teks atau karya itu sendiri, dan juga isi kandungan cerita yang dibawanya.

Dalam konteks kehidupan masyarakat yang mengamalkan amalan animisme, mitos dianggap teks suci. Status dan kedudukan mitos dalam masyarakat begini telah ditegaskan oleh William Bascom, sepertimana dipetik dalam Alan Dundes (1965), sebagai berikut:

Myths are prose narratives which, in the society in which they are told, are considered to be truthful accounts of what happened in the remote past. They are accepted on faith; they are taught to be believed; and they can be cited as authority in answer to ignorance, doubt, or disbelief. Myths are the embodiment of dogma; they are usually sacred; and they are often associated with theology and ritual. Their main characters are not usually human beings, but they often have human attributes; they are animals, deities, or culture heroes, whose actions are set in an earlier world, when the earth was different from what it is today, or in another world such as the sky or underworld.

Myths account for the origin of the world, of mankind, of death, or for characteristic of birds, animal, geographical features, and the phenomena of nature. They may recount the activities of the deities, their love affairs, their family relationship, their friendships and enmities, their victories and defeats. They may purport to “explain” details of ceremonial paraphernalia or ritual, or why tabus must be observed, but such as etiological elements are not confined to myths (dalam Dundes, 1965:9).

Pernyataan William Bascom tersebut mengangkat status sesebuah mitos itu kepada

kedudukan tertinggi. Mitos merupakan sebuah prosa naratif yang dimiliki oleh sekelompok masyarakat tertentu. Masyarakat diajar untuk mempercayai sesuatu yang benar-benar berlaku di masa lalu menerusi mitos tersebut. Malah mitos itu juga merupakan suatu bentuk autoriti untuk menjawab segala kejahilan, keraguan, dan juga mereka yang sukar mempercayainya. Ia disebabkan mitos itu sendiri terkandung ajaran atau kepercayaan agama, bersifat kudus, serta sering berkait rapat dengan amalan-amalan ritual dalam sesuatu kelompok masyarakat (dalam Dundes, 1965).

Justeru, sebagai seorang pencerita yang ingin memberi faedah dan didikan kepada khalayaknya, mitos ini berperanan penting sebagai medium untuk Pura Taman mengingatkan khalayaknya tentang kewujudan dan kekuasaan kuasa ghaib *Mamak Batin*, yang menaungi kehidupan masyarakat Jakun di perkampungan tersebut. Melalui cerita mitos *Mamak Batin*, Pura Taman mengingatkan khalayaknya tentang beberapa aspek penting tentang status makhluk ghaib tersebut.

Pertama, Pura Taman Menceritakan Kepentingan Watak Mitos dalam Masyarakatnya. Perwatakan *Mamak Batin* itu juga dianggap sebagai seorang yang berperanan penting dalam masyarakat Jakun. *Mamak Batin* dilihat sebagai tempat segala tumpuan ataupun pusat rujukan penting sebelum melaksanakan sesuatu urusan hidup. Tokoh ini juga dimunculkan sebagai seorang yang sentiasa berkebolehan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dalam perkampungan berkenaan. Misalnya, *Mamak Batin* menjadi tempat para bakal pemerintah datang untuk meminta restu daripadanya. Berikut adalah petikan dalam kisah *Mamak Batin*:

Timbullah kisah Engkanak Tang Batang Ai. Selalu pecah sembilan batu keramat besar di Padang Bongsu penyudah negeri. Lalu serilah Engkanak cantiknya tidak dapat ditolak banding. Dengan baru bujang pelente.

“Ke manakah aku nak tuju?”, kata Engkanak Tang Batang Ai.

“Kata ayah sebelum mangkat, jika nak memerintah negeri, carilah Mamak Batin Tang Batang Ai”, kata Engkanak itu sendirian di dalam hati (dalam Abdul Rahman, 2014).

Bakal pemerintah negeri, iaitu Engkanak Tang Batang Ai daripada sebuah negeri yang lain, telah disyaratkan oleh bapanya supaya pergi menemui *Mamak Batin* di Kampung Sungai Tang Batang Ai. Pesanan yang dikeluarkan itu membuktikan bahawa *Mamak Batin* sememangnya berada di satu kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh semua orang, termasuk pemerintah di negeri lain juga. Misalnya, ayahanda kepada Engkanak Tak Tang Batang Ai yang memberi penghormatan tinggi kepada *Mamak Batin*, sehingga menyuruh anaknya menemui *Mamak Batin* semata-mata memohon restu.

Peranannya sebagai pemberi restu kepada bakal pemerintah adalah suatu peranan yang tinggi serta membayangkan suatu kuasa besar ataupun pemutus kata yang seharusnya dimiliki oleh seseorang pemimpin yang dianggap begitu hebat dan ulung. Secara tidak langsung, *Mamak Batin* juga ditonjolkan sebagai seorang yang menjadi pusat tumpuan dalam hal yang berkaitan dengan urusan pemerintahan sesuatu negeri di suatu masa lampau.

Justeru itu, perwatakan *Mamak Batin* berjaya membina satu bentuk kepercayaan kepada khalayak pendengar, bahawa tokoh ini sememangnya memiliki kewibawaan tinggi sebagai pemerintah suku Jakun di kawasan itu. Oleh yang demikian, sudah tidak wujud sebarang ruang untuk mempertikaikan kewibawaan pemimpin berkenaan. Jika seorang pemimpin daripada sebuah negeri yang lain sanggup mentaati dan menghormati *Mamak Batin*, apatah lagi penduduk kampung yang hanya golongan yang lemah dan tidak mempunyai apa-apa integriti untuk muncul sebagai seorang pemerintah seperti *Mamak Batin* itu. Wawancara dengan Batin Jim bin Dagang (5/1/2014) turut mengakui bahawa di zaman dahulu, segala masalah penduduk akan dirujuk kepada *Mamak Batin* untuk sebarang penyelesaian.

Kedua, Mengingatkan Khalayaknya bahawa Mamak Batin Sebagai Penyelamat. Naratif mitos *Mamak Batin* yang diceritakan oleh Pura Taman itu tidak sekadar memperingatkan khalayaknya semata-mata untuk mempercayai kekudusan *Mamak Batin*, tetapi juga bahawa *Mamak Batin* adalah seorang penyelamat dan penjaga kepada kaum Jakun di kawasan

berkenaan. Cerita lisan ini mengingatkan para pendengarnya kepentingan dan peranan *Mamak Batin* dalam kehidupan mereka dan juga secara tidak langsung menambahkan rasa hormat mereka terhadap tokoh yang sakral itu.

Peranan *Mamak Batin* sebagai penyelamat itu akan menjadikan Orang Jakun di kawasan itu sentiasa berasa selamat, kerana merasakan ada kuasa yang lebih kuat sedang melindungi mereka daripada segala bahaya dan malapetaka. Mereka yakin bahawa sekiranya kampung mereka diceroboh oleh pihak yang berniat jahat, *Mamak Batin* akan muncul semula untuk membinasakan pihak jahat tersebut (wawancara dengan Batin Jim bin Dagang, 5/1/2014). Kesedaran ini yang akan berjaya merapatkan hubungan manusia dengan Tuhan mereka, sebagaimana yang wujud dalam masyarakat pinggiran itu.

Sepanjang pengkisahan cerita *Mamak Batin* ini, Pura Taman mengemukakan pelbagai contoh untuk menunjukkan *Mamak Batin* berfungsi sebagai penyelamat kepada kehidupan Orang Jakun. Pura Taman akan menceritakan peristiwa yang berkaitan dan diulang-ulang dalam situasi yang berbeza, semata-mata untuk memastikan para khalayaknya sentiasa ingat akan jasa *Mamak Batin* kepada seluruh penduduk di situ sepanjang zaman.

Penceritaan ini kelihatan menarik, kerana susun atur peristiwa *Mamak Batin* sebagai penyelamat kepada manusia yang disusun mengikut satu urutan peristiwa. Penutur menceritakan bermula dengan peristiwa yang kecil sehinggalah kepada peristiwa yang lebih besar serta penuh ketegangan. Pada peringkat awal, pencerita menggambarkan situasi yang paling asas sewaktu *Mamak Batin* yang begitu tegas menjaga kampung mereka daripada dimasuki oleh orang luar, yang dicurigai akan kebaikan atau kejahatannya. Peristiwa yang dimaksudkan itu ialah semasa kedatangan Engkanak Tang Batang Ai, yang pertama kali ke kampung *Mamak Batin*. Berikut petikan kisah *Mamak Batin*:

Lalu *Mamak Batin* pun berkata, “Ah! Aku ini Batin, jadi aku nak bertanya, awak ni datang dari mana dan nak ke mana?”

Jawablah Engkanak, “Saya ini tidak tentu datang dan tidak tentu mana nak dituju. Saya ni datang

merempat, tak ada kampung, tak ada halaman tak ada rumah, tak ada tangga”.

“Jadi kamu ini hantu syaitanlah, bukan manusia. Setiap manusia mesti ada kampung halaman rumah tangga”.

“Nampaknya begitulah”, jawab Engkanak.

“Kalau awak macam itu nak kemari ke sini, minta maaf. Awak berundurlah dari sini, kerana kampung ini jika orang yang menumpang itu tidak dikenali, tidak boleh ia bermalam di sini”, kata *Mamak Batin* (dalam Abdul Rahman, 2014).

Mamak Batin sentiasa menjaga kesejahteraan kampung bagi mengelak sebarang bencana dan ancaman yang kemungkinan dibawa oleh orang luar. Walaupun gambaran di atas masih menunjukkan *Mamak Batin* berbicara dengan nada dan suara yang lembut, namun terselit didalamnya satu ketegasan untuk menghalau sesiapa sahaja yang memasuki kampung itu yang dicurigai oleh *Mamak Batin*. Sebagai penghulu utama kepada Orang Jakun, beliau sama sekali tidak mudah untuk membenarkan orang yang tidak dikenali menumpang di kawasan berkenaan, yang dikhuatiri akan membuat huru hara dan mencetuskan pelbagai masalah.

Lanjutan daripada contoh ini, penutur cerita lisan telah memberikan gambaran yang paling asas tentang *Mamak Batin*, yang bertindak sebagai penyelamat kepada Orang Jakun. Secara tidak langsung, mitos ini akan membangkitkan lagi rasa hormat mereka terhadap *Mamak Batin*, yang begitu mengambil berat keselamatan dan kesejahteraan penduduk Jakun di kawasan berkenaan.

Ketiga, Pencerita Ungkapkan Realiti Hidup Masyarakatnya. Selain berperanan memberi didikan keagamaan, Pura Taman juga mendidik masyarakat ke arah membina kehidupan melalui cerita yang berfaedah. Faedah yang dimaksudkan ialah faedah yang berbentuk sekular ataupun realiti hidup. Ia ternyata berbeza daripada faedah berbentuk keagamaan yang diujahkan sebelum ini. Kandungan naratif lisan suku Jakun mengungkapkan serta menyuarakan permasalahan yang melanda masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya, menerusi cerita yang disampaikan.

Cerita yang dipersembahkan itu bukanlah sebuah kisah yang kering daripada kandungan makna yang bermanfaat; sebaliknya, kisah

lisan itu mendokong erti sebuah kehidupan masyarakat terpencil. Masyarakat ini dianggap kerdil dibandingkan dengan komuniti luar yang lebih bergaya dan berjaya corak hidup mereka. Cerita ini bakal membongkarkan pengalaman pahit hidup mereka dengan cara menyelitkan rasa kekerdilan mereka itu dalam susunan plot cerita lisan yang dipusakai sejak sekian lama.

Naratif manusia kerdil itu juga turut membisikan segala impian, harapan, serta keinginan Orang Asli untuk dipandang hebat, istimewa, di samping dapat meletakkan diri mereka setanding dengan masyarakat umum. Situasi perkaitan antara teks dan konteks ini terlebih dahulu pernah diakui oleh Alan Dundes, sebagai berikut:

I am interested in folklore, because it represents a people's image of themselves. The image may be distorted, but at least the distortion comes from the people, not from some outside observer armed with a range of priory premises. Folklore as a mirror of culture provides unique raw material for those eager to better understand themselves and others (Dundes, 1965:viii).

Berdasarkan pandangan Alan Dundes (1965), sastera rakyat seringkali bertindak sebagai cerminan kepada kehidupan sebenar masyarakat di persekitaran teks tersebut. Imej-imej manusia akan terjelma dalam karya tersebut, seterusnya khalayak akan mengetahui situasi sebenar yang cuba disampaikan serta memahami sesuatu kemelut yang sedang melanda masyarakat dalam teks tersebut.

Oleh itu, cerita lisan yang disampaikan oleh Pura Taman mengandungi makna-makna tersirat untuk menceritakan kehidupan sebenar masyarakat Orang Asli. Ia mampu mewakili kehidupan untuk diceritakan kepada umum (Wellek & Warren, 1989:94); serta menembusi kehidupan setiap manusia (Laurenson & Swingewood, 1972:12). Teks cerita lisan tersebut berperanan besar untuk membongkarkan pengalaman perit hidup mereka, mengangkat darjat masyarakat Orang Asli, serta menonjolkan harapan mereka, disamping menampilkan keistimewaan-keistimewaan yang mereka miliki.

Hakikat ini menonjolkan bahawa teks cerita lisan Orang Jakun, yang disampaikan

oleh pencerita, merupakan sebuah dokumen sosial masyarakat yang boleh dirujuk untuk mengenali masyarakat Orang Asli secara lebih mendalam. Teks lisan ini mengungkapkan segala-segalanya berkaitan dengan kehidupan mereka, yang selama ini tidak sepenuhnya disuarakan oleh masyarakat luar.

Keempat, Memberi Gambaran Kemiskinan. Berdasarkan cerita lisan bertajuk *Kambing Buta*, Pura Taman mempamerkan imej Orang Asli sebagai manusia kerdil, yang dijelmakan melalui watak-watak dalam cerita tersebut. Kehadiran watak kambing, sebagai seekor binatang yang telah buta matanya itu, dapat diinterpretasikan sebagai simbol kepada kehidupan Orang Asli yang tidak berdaya melakukan sesuatu yang lebih baik dan sempurna untuk meningkatkan taraf hidup mereka, apatah lagi untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan (cf Carey, 1976; dan JHEOA Semenanjung Malaysia, 2003).

Konotasi seekor binatang yang buta ialah pastinya sukar untuk bergerak mencari makan ke sana sini, mencari tempat perlindungan, atau melindungi diri daripada musuh. Ketidakupayaan untuk bergerak bebas akan menjadikan kehidupan seseorang manusia atau kelompok masyarakat itu terbatas. "Buta" dalam konteks ini dapatlah disimbolkan sebagai Orang Asli yang tidak berilmu, tidak berharta, dan tidak berkuasa. Frasa yang telah dibina oleh Zawawi Ibrahim ed. (1996) itu jelas menjadi suatu pantulan hakikat sebenar kehidupan daripada cerita lisan yang disampaikan.

Watak seekor kambing yang buta itu juga akan mencerminkan masyarakat Orang Asli berhadapan dengan dunia luar, yang seperti gelap kepada mereka. "Gelap" dalam erti kata mereka tidak boleh menumpang kesenangan dan kemewahan dalam erti kata yang sebenarnya. Ekoran daripada pengalaman perit sejak zaman feudal, darurat, sehinggalah zaman kini seolah-olah hidup mereka akan statik untuk selama-lamanya (Maida, 2001). Mereka tidak mampu bergerak sendiri, kecuali ada pihak yang benar-benar mampu membawa kelompok ini mengubah keadaan mereka. Contohnya, dalam petikan kisah *Kambing Buta* adalah seperti berikut:

Lalu berjalan lagi pelanduk itu hingga ternampak seekor kambing. Kambing itu berjalan ke sana ke mari tak tentu hala. Jadi, Awang Pelanduk tadi pandang-pandang, tengok.

“Eh, nampak kambing. Tapi kenapa dia jalan macam gitu?”

Pelanduk hairan juga. Bila pelanduk pergi dekat, maka tahulah bahawa butalah mata kambing itu. “Bilalah gitu, hai kawan”, kata pelanduk.

“Mengapa awak begini?”, tanya pelanduk.

“Haiii, beginilah saya. Hidup pun susah saya. Mata tak nampak”, kata kambing buta (dalam Abdul Rahman, 2014).

Watak kambing buta, yang ditemui berlegar-legar di padang yang luas tanpa arah tujuan, merupakan simbol kehidupan Orang Asli yang serba kekurangan serta tidak mampu menjana kehidupan untuk perubahan taraf hidup yang lebih baik. Hanya selepas kedatangan pelanduk sahaja kambing buta itu boleh bergerak ke serata negeri, disamping boleh mempamerkan keistimewaan yang dimilikinya. Begitulah dengan senario kehidupan Orang Asli. Mereka sebenarnya memiliki pelbagai kebolehan dan keistimewaan jika diberikan ruang, peluang, dan juga bimbingan.

Sebaliknya, catatan daripada Hasan Mat Noor (1996) dan Zawawi Ibrahim ed. (1996) justru menunjukkan bahawa Orang Asli menjadi mangsa diskriminasi, jauh sekali untuk memperolehi peluang seperti yang dinikmati oleh masyarakat lain. Oleh yang demikian, keadaan mereka tidak akan berubah, seterusnya akan kekal seperti seekor kambing yang buta di tengah padang yang luas (Mat Noor, 1996; dan Ibrahim ed., 1996).

Kelima, Menggarapkan Semangat Juang.

Selain daripada sekadar menggambarkan kemiskinan hidup, Pura Taman turut mengangkat semula martabat diri masyarakat Orang Asli apabila beliau turut mempamerkan keistimewaan dan kehebatan yang dimiliki oleh Orang Asli. Umpama aliran pasca-kolonial yang cuba menentang wacana kolonial yang selama ini memandang rendah kepada anak watan tanah jajahan, Pura Taman juga menonjolkan semula kehebatan Orang Asli, yang tidak pernah dipedulikan selama ini (cf Abrams, 1972; dan Dollah et al., 2004).

Kambing Buta dan Awang Miskin mengandungi lakaran-lakaran imej Orang Asli yang bijak, tahan lasak, mampu menyelesaikan

masalah dengan berjaya, malah turut menjadi orang harapan kepada masyarakat luar untuk menyempurnakan sesuatu tugas yang tidak mampu dilaksanakan oleh orang luar (Abdul Rahman, 2014).

Lanjutan daripada pengalaman hidup yang terhimpit dan tertekan, masyarakat Orang Asli sebenarnya ingin membuktikan bahawa mereka masih mampu bertahan dengan keperitan hidup mereka. Sungguhpun mereka pernah menjadi hamba abdi sehingga membawa kematian, terbunuh, dan tercedera semasa darurat dan terpinggir dalam kemodenan semasa, namun manusia kerdil ini masih terus wujud dalam kelompok dan suku kaum masing-masing sehingga sekarang (Maida, 2001). Jumlah ini sedikit-sebanyak dapat membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli tidak akan pupus, biarpun mereka masih kekal sebagai kelompok minoriti dalam negara ini. Hanya ketahanan fizikal dan mental sahaja mampu menjamin kelangsungan hidup Orang Asli dalam persekitaran mereka.

Berteraskan kisah *Kambing Buta dan Awang Miskin*, penglipur lara Pura Taman daripada kaum Jakun menceritakan dan memaparkan contoh-contoh watak yang memiliki daya ketahanan diri yang tinggi. Melalui perincian watak dan peristiwa-peristiwa yang berlaku telah membuktikan bahawa pencerita berusaha untuk menonjolkan kepada khalayak, iaitu masyarakat yang diwakilinya adalah sebuah masyarakat yang kental, tahan lasak, serta mampu berhadapan dengan apa sahaja masalah yang melanda mereka. Garapan-garapan cerita yang dipersembahkan oleh Pura Taman itu bakal menjadi sebuah jawapan kepada persoalan tentang betapa kuatnya Orang Asli bertahan untuk terus hidup dalam suasana zaman yang semakin mencabar (cf Dollah et al., 2004; Kok On, 2010; Kok On & Fee Lee, 2012; dan Abdul Rahman, 2014).

Kisah *Awang Miskin* memberikan suatu bentuk paparan tentang Orang Asli yang mampu berhadapan dengan masalah yang berat. Masalah yang diselesaikan ialah mampu membebaskan seorang anak raja yang telah ditangkap oleh seorang saudagar kaya, selepas kalah dalam menyabung ayam. *Awang Miskin* menghadapi kesusahan untuk membebaskan anak raja itu, kerana beliau terlebih dahulu

perlu memenuhi harapan puteri raja untuk mendapat seekor ikan patung yang bersisik emas. Walaupun sudah ramai panglima-panglima raja yang telah mencuba nasib untuk mendapatkannya, tetapi semuanya menemui kegagalan. Hanya melalui kehebatan dan kepandaian ilmu *Awang Miskin* sahaja mampu mendapatkannya. Seterusnya, sebagai balasan atas kejayaan itu, *Awang Miskin* hanya meminta supaya anak raja itu dibebaskan daripada tahanan saudagar tersebut (Abdul Rahman, 2014).

Episod kisah ini memberi pengertian bahawa dalam keadaan yang terdesak sekalipun, watak Orang Asli itu masih mampu mengatasinya. Keadaan pada masa itu telah mengakibatkan anak raja yang ditangkap hanya pasrah kepada nasib sahaja. Penglipur lara tidak menunjukkan sebarang usaha yang dilakukan oleh anak raja itu untuk melepaskan diri daripada kurungan. Penglipur lara Pura Taman daripada kaum Jakun juga tidak menceritakan tentang adanya kuasa ajaib yang digunakan oleh anak raja itu untuk mengatasi saudagar berkenaan.

Hakikatnya, Pura Taman ingin menunjukkan bahawa darjat seseorang belum mencukupi untuk berhadapan dengan masalah yang berat. Seterusnya, hanya watak *Awang Miskin* sahaja yang mampu menyelamatkan keadaan dengan menggunakan segala kepandaian yang dimilikinya. *Awang Miskin* diperlihatkan sebagai seorang yang berani berhadapan dengan kenyataan, sungguhpun beliau mungkin akan menerima hukuman daripada saudagar jika permintaan puteri raja itu gagal dipenuhi oleh *Awang Miskin*. Sememangnya, keberanian dan kecekalan *Awang Miskin* sahaja yang telah menyelamatkan segala-galanya.

Situasi yang dialami oleh *Awang Miskin* itu telah mengimbau kembali kenangan khalayak terhadap pengalaman getir yang dilalui oleh Orang Asli. Sungguhpun sebahagian besar mereka masih menghuni di dalam hutan dengan kemudahan yang sangat minima, namun mereka masih mampu hidup dengan selesa dan sempurna mengikut pemahaman mereka. Mereka redha dengan cara hidup mereka daripada dahulu sehingga hari ini. Malah dalam wawancara dengan beberapa penghuni Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang juga telah mendakwa bahawa

sungguhpun kemiskinan melanda hidup mereka, tetapi tidak ada yang pernah mati kebuluran (wawancara dengan Batin Jim bin Dagang, 5/1/2014).

Menurut Khalid bin Pura⁹ pula, beliau belum pernah sekalipun membeli ikan di pasar kerana telah menjadi rutin hidupnya sejak dahulu untuk menangkap sendiri ikan sebagai lauk-pauk untuknya sekeluarga. Pengalaman pemuda Jakun itu menunjukkan bahawa mereka sentiasa mencari alternatif untuk hidup, kerana kemiskinan yang menghambat hidup mereka.

KESIMPULAN

Penglipur lara atau pencerita Pura Taman dari suku kaum Jakun dan penglipur lara *Awang Batil* alias Romli Mahmud di Perlis, Malaysia, masing-masing memiliki keistimewaan dan kelainan antara satu sama lain. Bermula daripada khazanah cerita lisan yang dipusakai, kaedah belajar bercerita yang hampir sama, akhirnya *Awang Batil* alias Romli Mahmud dan Pura Taman telah mempersembahkan kepada khalayak sejak sekian lama demi memenuhi permintaan penduduk setempat yang masih berminat dengan warisan tersebut.

Biarpun *Awang Batil* alias Romli Mahmud kini hanya memenuhi jemputan keraian kerajaan namun yang pasti persembahan beliau ini tetap ada penontonnya. Agak berbeza dengan Pura Taman yang lebih “tertutup” persekitarannya, tetapi penerimaan masyarakat persekitaran sehingga kini memungkinkan Pura Taman terus lestari dalam warisan tukang cerita daripada suku kaum Jakun.

Antara peranan sebagai pencerita “dalang” dan pencerita “dagang”, *Awang Batil* alias Romli Mahmud kelihatannya sebagai seorang agen penghibur dalam majlis-majlis persembahannya, sedangkan Pura Taman membawa peranan yang lebih besar. Selain daripada peranan asas untuk hiburan, cerita lisan beliau (Pura Taman) turut membawa didikan keagamaan/kepercayaan dan juga mengimbau kenangan dan pengalaman silam Orang Asli untuk dihayati oleh khalayak umum. Walaupun terdapat kelainan fungsi ini, mereka

⁹Khalid bin Pura merupakan anak kepada Pura Taman yang boleh dikatakan mengamalkan hidup seharian secara sederhana.

sebenarnya adalah ikon budaya masyarakat, yang berkemungkinan sebagai pewaris terakhir dalam dunia penglipur lara (Md Radzi, 2004).¹⁰

Referensi

- Abdul Aziz, Sohaimi. (1998). *Membentuk Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Melalui Kesusasteraan Kanak-kanak*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- Abdul Rahman, Mohamad Luthfi. (2008). "Pura Taman: Antara Dalang dan Dagang". *Tesis Doktorat Falsafah Tidak Diterbitkan*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Abdul Rahman, Mohamad Luthfi. (2014). *Pura Taman: Warisan Penglipur Lara Jakun*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Abrams, M.H. (1972). "Orientation of Critical Theories" dalam David Lodge [ed]. *20th Century Literary Criticism*. London: Longman.
- Braginsky, V.I. (1998). *Yang Indah: Berfaedah dan Amal*. Jakarta: Indonesian-Netherlands Cooperation in Islamic Studies, Terjemahan.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Derks, Will. (1994). *The Feast of Storytelling on Malay Oral Tradition*. Jakarta: Penerbit RUL.
- Dundes, Alan. (1965). *The Study of Folklore*. Berkeley: University of California Press.
- Dollah, Hanapi et al. (2004). "Cerita Jakun Endau Rompin" dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, ms.162-171.
- Ibrahim, Zawawi [ed]. (1996). *Kami Bukan Anti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- JHEOA [Jabatan Hal Ehwal Orang Asli] Daerah Rompin. (1996). *Biodata Ringkas Perkampungan Orang Asli Daerah Rompin*. Pahang: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Daerah Rompin.
- JHEOA [Jabatan Hal Ehwal Orang Asli] Semenanjung Malaysia. (2003). *Data Maklumat Asas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Semenanjung Malaysia.
- Kok On, Low. (2010). "Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke Di Sarawak" dalam *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28(1), ms.151-175, ISSN 0127-2721.
- Kok On, Low & Yok Fee Lee. (2012). "Investigating the Relationship between Kadazandusun Beliefs about Paddy Spirits, Riddling in Harvest-Time, and Paddy-Related Sundait" dalam *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 13, ms.65-93, ISSN 1511-8393.
- Koster, G.L. (1997). *Roaming Through Seductive Garden*. Leiden: KITLV Press.
- Laurenson, D. & D. Swingewood. (1972). *The Sociology of Literature*. New York: Schocken Books.
- Lodge, David [ed]. (1985). *20th Century Literary Criticism*. London: Longman.
- Maida, Narifumi. (2001). *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli in the 1960's*. Subang Jaya: Centre of Orang Asli Concern.
- Maier, H.M.J. (1994). "Duka Cerita yang Bening adalah Suaranya: Suatu Keindahan" dalam *Sempana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, terjemahan Umar Junus.
- Maria, K. Elizabeth. (1973). *Literary Impressionism*. New Heaven: Colledge & University Press.
- Mat Noor, Hasan. (1996). *Tanah dan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Empat Buah Kampung Orang Asli di Batang Padang, Perak*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Md Radzi, Shaiful Bahri. (2004). "Pura Taman: Penglipur Lara Terakhir" dalam *Dewan Budaya*, Isu November, ms.26-28.
- Mohd Isa, Mustafa. (1987). *Awang Belanga: Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phillips, Nigel. (1981). *Si Jobang: Sung Narrative of West Sumatra*. New York: Cambridge University Press.
- Sweeney, Amin. (1994). "Professional Malay Story-Telling, Part 1: Some Questions of Style and Presentation". Tersedia secara online di: http://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/2280/1/JB1668_PMST.pdf [diakses di Pulau Pinang, Malaysia: 2 Mac 2015].
- Tarigan, Henry Guntur. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Taslim, Noriah. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wawancara dengan Batin Jim bin Dagang, di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia, pada tarikh 5 Januari 2014.
- Wawancara dengan Pura bin Taman, seorang penglipur lara, di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia, pada tarikh 5 November 2009.
- Wawancara dengan Pura bin Taman, seorang penglipur lara, di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia, pada tarikh 5 Januari 2014.
- Wawancara dengan Khalid bin Pura, anak kepada Pura Taman, seorang penglipur lara, di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia, pada tarikh 5 Januari 2014.
- Wawancara dengan Romli bin Mahmud, seorang penglipur lara yang dikenali sebagai Awang Batil, di Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis, Malaysia, pada tarikh 12 Mac 2015.
- Wellek, Rene & Austin Warren. (1989). *Teori Kesusastraan*. Jakarta: PT Gramedia, Terjemahan Melani Budianta.

¹⁰**Kenyataan:** Saya memperakui dan membuat kenyataan dengan sebenar bahawa kertas ini adalah hasil karya saya persendirian, kecuali nukilan dan ringkasan yang mana-mana saja saya petik dan dimaklumkan sumbernya. Jadi, kertas ini bukanlah dapatan daripada amalan plagiarism. Kertas ini juga belum pernah direviu dan belum diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik.